

METAFORA KONSEPSI DAN SKEMA IMEJ DALAM PANTUN MELAYU (CONCEPTUAL METAPHOR AND IMAGE MAPPING SCHEME OF MALAY PANTUN)

Zulkifley Hamid
Nirwana Sudirman

ABSTRAK

Bahasa adalah cerminan pemikiran dan kehidupan penutur. Pelbagai unsur kebahasaan jelas menggambarkan pelbagai aspek pemikiran dan kehidupan penutur. Kajian ini telah dilakukan untuk melihat perenggu minda orang Melayu sebagaimana yang terpancar dalam pantun Melayu. Data kajian adalah berdasarkan pantun Melayu yang termuat dalam buku Kurik Kundi Merah Saga (2013) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah penganalisan teks. Daripada 5653 buah pantun yang terdapat dalam buku ini pengkaji telah memilih 110 pantun berdasarkan pengkategorian yang telah dibuat oleh penulis/penerbit buku ini. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan Teori Semantik Kognitif yang dicadangkan oleh George Lakoff dan Mark Johnson (1980) sebagai landasan kajian. Dapatan kajian ini menunjukkan pemikiran Melayu amat terpengaruh oleh alam sekeliling iaitu alam fauna dan alam flora yang melatari kehidupan orang Melayu. Konsep berguru kepada alam jelas tercermin dalam penciptaan pantun Melayu. Dalam pantun yang dikaji, terdapat pelbagai metafora yang jelas menggambarkan perenggu minda orang Melayu tentang kasih sayang, adat, kiasan, nasihat, perantaraan, jenaka, peribahasa, budi, agama, kepahlawanan dan juga perniagaan. Berdasarkan dapatan kajian ini, terdapat tiga jenis metafora konsepsi yang dikesan hadir dalam pantun Kurik Kundi Merah Saga, iaitu metafora ontologi, orientasi dan struktural. Jelas kepada kita bahawa penciptaan pantun dengan pemikiran Melayu adalah saling terkait. Dapatan kajian ini membolehkan kita untuk lebih memahami perenggu minda orang Melayu yang telah diwarisi sejak zaman berzaman, dan tidak banyak berubah.

Kata Kunci: Akal budi, metafora, pantun Melayu, perenggu minda, Semantik Kognitif.

ABSTRACT

Language is a reflection of the thought and lives of speakers. Various linguistic elements clearly illustrate the various aspects of thought and life of the speakers. This study was conducted to analyze the mindset of the Malays as reflected in Malay poems, known as pantun. This study is based on the data contained in the Malay pantun book, entitled Kurik Kundi Merah Saga (2013) published by Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). In this study, researchers had applied textual analysis as the main methodology. Out of 5653 pieces of pantun contained in this book, the researchers have selected 110 pantun based on the categorization made by the author/publisher of the book. Researchers had used Cognitive Semantic Theory proposed by George Lakoff and Mark Johnson (1980) specifically as a theoretical framework for this study. The results had indicated that the Malay thinking was highly influenced by their natural surroundings that closely related to flora and fauna; which played an important role in their daily life activities. The concept of learning from the nature is clearly reflected in the creation of Malay pantuns. Results had also shown that in the pantuns that were focused in this study, there were many metaphors that had clearly illustrated the Malay mindsets which talked about love, traditions, advice, travel, jokes, proverbs, wisdom, faith, heroism and economy. Based on these finding, there are three types of conceptual metaphors which were detected present in Kurik Kundi Merah Saga, the metaphor of ontology, orientation and structural. It is clear to us that the creation of pantuns and the mindset of the Malays are interrelated. It is hoped that the findings of this study will allow us to better understand the mindsets of the Malays which have not undergone much change throughout the time.

Keywords: Cognitive Semantics, Malay pantun, metaphor, mind, mindset.

PENGENALAN

Bahasa Melayu terjalin secara erat dengan pemikiran dan kehidupan orang Melayu. Oleh itu, bahasa Melayu secara jelas dapat mencerminkan pemikiran dan kehidupan orang Melayu. Contohnya, pepatah petiti dan pantun Melayu dengan jelas menggambarkan perenggu minda orang Melayu. Perenggu minda orang Melayu dalam pelbagai aspek kehidupan seperti kasih sayang, adat, budi, agama, kepahlawanan dan sebagainya jelas tergambar dalam pepatah petiti dan pantun Melayu. Kajian ini hanya memfokus kepada pantun Melayu sebagai penggambar akal budi orang Melayu. Pantun Melayu yang terkandung dalam buku Kurik Kundi Merah Saga (KKMS) Edisi Kedua Cetakan Kelima (2013) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menjadi sumber data untuk kajian ini.

Minda atau akal budi sesuatu bangsa tidak mudah untuk difahami, dan ia hanya dapat dianalisis melalui sesuatu perantara. Perantara yang paling berkesan ialah bahasa kerana bahasa dapat menyerlahkan pelbagai aspek tentang akal budi atau minda sesuatu bangsa. Wilkinson dan Winstedt (1957) dengan jelas menghuraikan peranan pantun sebagai penyerlah akal budi orang Melayu. Dalam menghuraikan betapa pentingnya pantun Melayu sebagai pengungkap akal budi orang Melayu, mereka mengatakan:

Sebenarnya tidak mungkin bagi sesiapa pun untuk cuba memerikan akal budi orang Inggeris tanpa mengkaji sasteranya, atau mengkaji akal budi orang Scotland tanpa mengkaji Burns dan seterusnya tidak seorang pun dapat meramal ruang lingkup akal budi orang Melayu tanpa mengetahui pantunnya.

Pandangan Wilkinson dan Winstedt memperlihatkan kepada kita bahawa output bahasa adalah unsur utama dalam menjelaskan akal budi sesuatu bangsa, khususnya pantun dalam kajian ini. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Wilkinson dan Winstedt, pantun Melayu merupakan wahana utama untuk membolehkan kita lebih memahami ruang lingkup akal budi orang Melayu. Pantun dapat mencerminkan corak, gaya hidup dan perunggu minda orang Melayu. Pandangan sebegini telah lama ditegaskan dalam Hipotesis Sapir-Whorf yang menyatakan bahawa bahasa ialah landasan atau kerangka bagi aktiviti berfikir. Teori Sapir-Whorf (dlm. Mangantar 1987) menegaskan, "Tiap-tiap bahasa telah mendirikan satu dunia tersendiri. Sebarang bahasa di dunia, sebanyak itulah dunia dibentuk oleh bahasa-bahasa itu untuk penutur-penuturnya".

Oleh demikian, pantun Melayu perlu dikaji daripada pelbagai aspek agar kita lebih dapat memahami cara masyarakat Melayu memandang alam, sama ada alam fizikal atau alam batin. Oleh itu, objektif penelitian adalah untuk i) menghuraikan akal budi Melayu berdasarkan metafora konsepsi yang terkandung dalam buku pantun *Kurik Kundi Merah Saga*. ii) memetakan gambaran akal budi Melayu berdasarkan pantun yang dijelmakan melalui skema imej. Artikel ini akan bermula dengan melihat permasalahan kajian, seterusnya melihat kajian-kajian lepas tentang hubungan antara bahasa dan akal budi penutur. Metodologi kajian akan turut diuraikan, diikuti oleh pemaparan dan penganalisisan dapatan kajian, dan seterusnya merumuskan hasil kajian.

PERMASALAHAN KAJIAN

Sesebuah penyelidikan memerlukan sebuah permasalahan sebagai panduan kepada pengkaji bagi membentuk objektif kajian. Ia merupakan suatu kesulitan yang menggerakkan manusia untuk menyelesaikannya. Perkara ini diperoleh daripada pembacaan menyeluruh pelbagai bentuk kajian lepas yang telah dicetak. Terdapat banyak isu bahasa yang belum lagi diterokai secara lebih mendalam oleh para pengkaji. Hal ini meliputi pelbagai bidang bahasa. Antaranya, dalam membongkar minda Melayu melalui pelbagai aspek bahasa, misalnya melalui wadah pantun. Dalam hal ini, pantun merupakan cerminan hidup masyarakat Melayu. Diksi-diksi yang digunakan dalam setiap penciptaan pantun jelas menggambarkan keseluruhan kehidupan masyarakat Melayu dengan menggunakan bahasa metafora. Za'ba (1965) menyatakan pantun itulah kaedah rangkap tertua dan memang asal kepunyaan orang Melayu. Tambahan lagi, pantun telah diguna pakai untuk menzahirkan segala yang tersurat dan tersirat di hati, khususnya dalam mendidik dan menyediakan tanda aras dalam bertingaklaku bagi masyarakat Melayu. Kenyataan ini turut dikuatkan lagi melalui pernyataan yang diberikan oleh sarjana tempatan, Harun Mat Piah (2007) menyatakan pantun adalah lambang pemikiran orang Melayu, iaitu cara mereka mempersepsi, meresensi, mentaakul dan membuat keputusan. Ia perlu diketengahkan sesuai dengan kemajuan yang dicapai oleh manusia dalam bidang teknologi maklumat.

Setiap kajian terhadap sesuatu bidang juga dilakukan kesan daripada permasalahan atau sesuatu persoalan yang tidak terjawab dalam kajian-kajian oleh pengkaji terdahulu. Begitu juga halnya dengan pantun Melayu. Dalam hal ini, tidak dinafikan perbincangan tentang pantun telah banyak dilakukan namun kupasan terperinci tentang pantun Melayu kebanyakannya tertumpu pada aspek sastera, sintaksis dan tidak kurang juga kajian yang melihat aspek morfologi. Terdapat sisi lain yang belum lagi diterokai oleh para pengkaji lain, khususnya pantun sebagai cerminan pemikiran dan kehidupan orang Melayu.

Hal ini dibuktikan dengan beberapa kajian yang telah dilakukan. Antara lain, oleh Amir Hassan (1993) dalam kajiannya yang bertajuk 'Pantun Melayu: Suatu Pemerian Morfologi dan Sintaksis'. Amir dalam kajian berkenaan telah meneliti aspek morfologi dan sintaksis dalam ayat dan membuat kesimpulan menyeluruh mengenai aspek penggunaan morfologi dan sintaksis yang terdapat dalam pantun. Selain itu, kajian oleh Julaina Nopiah dan Nor Hashimah Jalaluddin (2015) telah menyentuh aspek akal budi dalam kajiannya bertajuk '*Dualisme dan Akal Budi Melayu: Pendekatan Semantik Inkuisitif*'. Meskipun pengkaji melihat aspek akal budi, namun ada sisi lain yang tidak dilihat kerana data pengkaji hanya berfokus kepada imej dan objek yang terkandung dalam peribahasa. Kajian-kajian lain juga memperlihatkan objektif yang ingin dicapai namun kebanyakannya hanya menjurus kepada penelitian morfologi, sintaksis dan juga aspek-aspek yang khusus dalam peribahasa misalnya kajian oleh Nik Safiah Karim (1996) '*Pantun Melayu: Satu Garapan Struktur Ayat*' dan juga kajian oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2015) bertajuk '*Peribahasa Parasit dan Akal Budi Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif*'. Seterusnya, kajian luar negara yang melibatkan akal budi turut pernah dijalankan oleh Lim Kim Hui (2003) iaitu '*Budi as The Malay Mind: A Philosophical Study of Malay Ways of Reasoning and Emotion in Peribahasa*'. Melalui kajian tersebut, Lim meninjau kearifan dan kebijaksanaan orang Melayu menggunakan unsur logika, rasionalisasi, falasi dan prejudis yang terdapat dalam peribahasa Melayu yang digunakan sebagai alat perdebatan. Pada pendapatnya, unsur sejagat dalam logika peribahasa Melayu menunjukkan cara orang tua-tua dahulu berfikir yang mementingkan rasionaliti dan memberi panduan kepada akal dan budi dalam menentukan sesuatu perkara itu diterima atau ditolak yang banyak menjelaskan tentang pemikiran orang Melayu.

Aspek metafora dalam peribahasa juga turut dikaji oleh Charteris Black (2003) dalam '*A Contrastive Cognitive Perspective on Malay and English Figurative Language*'. Dalam kajian tersebut, pengkaji hanya merungkai hubungan antara pemikiran, simbol dan rujukan dalam dua bahasa iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Namun komponen akal budi tidak disentuh oleh pengkaji. Seterusnya, Junaini dan Nor Hashimah (2015) turut melaksanakan kajian bertajuk '*Unsur Asam dan Akal Budi Melayu*'. Dalam kajian berkenaan, pengkaji hanya menghuraikan aspek akal budi masyarakat melalui peribahasa yang menggunakan asam dengan mengaplikasi teori pendekatan semantik inkuisitif. Kartini (2016) turut menjalankan yang bertajuk 'Profil tumbuhan-tumbuhan dalam pantun Melayu. Beliau menyingkap tentang unsur flora dalam pantun Melayu. Namun, kajian yang menyingkap akal budi dalam pantun masih belum berpada apatah lagi kajian yang mengaplikasi Teori Semantik Kognitif. Oleh itu, jelaslah bahawa penelitian ke atas pantun telah banyak dilakukan namun terbatas pada makna harfiah sahaja. Bagi tujuan perbincangan, kajian alternatif ini menggunakan pantun dalam *Kurik Kundi Merah Saga* sebagai bahan perbincangan. Apakah akal

budi yang terkandung dalam pantun masyarakat Melayu? Dan bagaimana pula gambaran akal budi berkenaan cuba dipetakan dengan menggunakan Teori Semantik Kognitif. Bertitik tolak daripada permasalahan dan persoalan tersebut, kajian ilmiah ini perlu dijalankan lantas menjawab persoalan berkaitan akal budi yang terkandung dalam pantun masyarakat Melayu dengan mengaplikasikan Teori Semantik Kognitif. Dalam kata lain, pantun merupakan salah satu cara terbaik dan berkesan dalam membuat penelitian mengenai akal budi Melayu serta mengisi kelompongan pada kajian lepas yang turut mengaplikasikan teori semantik kognitif.

KOSA ILMU

Rujukan mengenai kajian lepas amat penting sebelum memulakan apa-apa penyelidikan. Melalui penghuraian kosa ilmu lepas pengkaji berusaha untuk mencari aspek-aspek yang mungkin terlepas pandang oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini seterusnya memperbaiki dan menambah baik di dalam kajian pengkaji dan mungkin kajian-kajian akan datang. Penelitian terhadap kajian lepas mengenai pantun masih berkisar kepada perkara yang sama cuma yang membezakannya adalah dari segi perinciannya sahaja. Untuk itu, kosa ilmu dalam dan luar negara akan dibincangkan oleh pengkaji.

Antaranya ialah kajian yang dijalankan oleh Aminudin Mansor (2012) bertajuk *Akal Budi dalam Pantun dan Sajak* turut memberi penekanan kepada aspek akal budi namun lebih menjurus kepada bidang sastera. Bahan kajian pengkaji meliputi pantun, sajak dan teks Komsas tingkatan satu hingga lima. Data kajian dianalisis mengikut tema yang dipilih oleh pengkaji dan huraian secara deskriptif telah dilaksanakan. Seterusnya, kajian telah dijalankan oleh Julaina Nopiah dan Nor Hashimah Jalaluddin (2015) tentang *Dualisme dan akal budi Melayu: Pendekatan Semantik Inkuisitif*. Kajian ini antara lain adalah untuk melihat hubungan di antara bahasa dan pemikiran namun cuba untuk mencungkil akal budi Melayu menerusi konsep dualisme yang ditonjolkan melalui objek dan imej *padi* dan *lalang* dalam peribahasa Melayu dengan menggunakan Pendekatan Semantik Inkuisitif. Sejumlah data peribahasa yang berkaitan diambil daripada pangkalan data www.malaycivilization.com untuk dianalisis menggunakan Pendekatan Semantik Inkuisitif dan turut menggunakan huraian yang bersifat kualitatif. Kajian ini menonjolkan elemen pemakanan dan akal budi masyarakat Melayu. Hasil kajian mendapati masyarakat Melayu pada ketika dulu telah ada ilmu menaakul yang tinggi walaupun dengan hanya cara berkias sesama sendiri. Zulkifley, Naidatul & Mohd Asyraf (2015) memperlihatkan kepada kita bahawa penutur menggunakan pelbagai strategi komunikasi untuk menyampaikan pelbagai maklumat dan pemikiran. Cara berbahasa atau berkomunikasi ini akan menyerlahkan hakikat tentang akal budi penutur. Dapatlah kajian oleh Arina dan Indrawati (2016) memperlihatkan kepada kita bahawa mereka yang dapat berkomunikasi dengan baik dapat mengelakkan pelbagai bentuk konflik daripada berlaku. Dengan kata lain, kemahiran berbahasa amat diperlukan bagi memastikan keharmonian dalam hidup bermasyarakat dapat diteruskan.

Hasmidar dan Jafizah (2016) melihat hubungan antara kemahiran berfikir dan kemampuan mentafsirkan erti peribahasa Melayu. Peribahasa menyampaikan pelbagai pemikiran yang mendalam yang menyerlahkan kehebatan cara orang Melayu berfikir. Peribahasa menganalogikan alam fauna dan alam flora yang melatari kehidupan orang Melayu. Peribahasa disusun dengan bahasa yang indah dan membawa makna yang mendalam. Kesimpulannya menurut pengkaji, peribahasa yang dicipta oleh masyarakat Melayu dahulu bukanlah sekadar ungkapan kosong yang menarik, tetapi sebaliknya tersembunyi ilmu dan falsafah yang tinggi seandainya diamati dengan teliti.

Dalam pada itu, kajian mengenai *Akal Budi dalam Mantera: Analisis Semantik Kognitif* (2015) telah dilakukan oleh Hawa Mahfuzah dan Zulkifley Hamid. Pengkaji telah mengenal pasti empat jenis skema supaya pemetaan gambaran abstrak atau konkrit sesuatu emosi atau perasaan mahupun perbuatan yang terdapat dalam mantera Melayu itu dapatlah difahami dengan lebih jelas. Penulis juga telah mengaplikasikan Pendekatan Semantik Kognitif yang berteraskan pengalaman iaitu pendekatan yang mengambil kira pengalaman lampau serta alam sekeliling seseorang. Dalam makalah ini, mereka hanya memberi fokus kepada penelitian berkenaan tiga jenis metafora konseptual yang terdapat dalam buku *Ulit Mayang: Kumpulan Mantera Melayu* oleh Harun Daud (2004). Terdapat juga kajian lain yang bersangkutan dengan kajian yang membincangkan akal budi dan juga data pantun namun pengaplikasian semantik kognitif yang melibatkan metafora dan pemetaan skema imej belum lagi berpadu.

METODOLOGI KAJIAN

Menurut Sulaiman Masri (2005), pengumpulan data merupakan proses pengumpulan pemboleh ubah dan penyelidik akan menentukan prosedur, teknik serta aspek pengumpulan data yang sesuai dengan kajiannya. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan kajian teks. Kajian kepustakaan digunakan untuk mendapatkan data sekunder dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod-rekod yang sedia ada. Data primer yang digunakan dalam kajian ini diperolehi daripada buku *Kumpulan Pantun Lisan Kurik Kundi Merah Saga (KKMS) Edisi Kedua Cetakan Ke-5* (2013) oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Pemilihan data dilakukan dengan menggunakan teknik persampelan.

Bagi mencapai objektif kajian, pengkaji telah menerapkan Teori Semantik Kognitif (Lakoff & Johnson 1980). Semantik Kognitif ialah satu teori yang berkembang selaras dengan andaian bahawa terdapat hubungan yang erat di antara bahasa dengan keupayaan kognitif asas manusia. Keupayaan kognitif asas tercermin dari keupayaan manusia mengkatégorikan (membentuk konseptual berstruktur yang bersifat pelbagai tingkat dan lapis), dan mengkonseptualkan (membayangkan sesuatu situasi mengikut tahap abstrak yang pelbagai). Struktur konseptual (Idealized Cognitive Models) merupakan satu daripada tiga item yang diberikan perhatian dalam aliran semantik kognitif selain dua yang lainnya iaitu teori prototaip dan model kerangka jaringan radial. Struktur konseptual adalah struktur semantik yang berfungsi sebagai dasar kepada sekurang-kurangnya satu profil konsep (Gibbs & Steen 1997). Istilah *Idealized Cognitive Models* (ICM) diperkenalkan oleh George Lakoff dan Mark Johnson pada tahun 1980 untuk memberikan gambaran bahawa sesuatu konsep terbentuk dalam satu hierarki yang begitu kompleks.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini memaparkan secara mendalam mengenai analisis aspek metafora konsepsi dan skema imej yang terdapat dalam buku pantun *Kurik Kundi Merah Saga* (2013). Perbincangan adalah berlandaskan pengaplikasian konsep metafora konsepsi yang telah diutarakan oleh Lakoff dan Johnson (1980) serta konsep skema imej yang telah diperkenalkan oleh Johnson (1987). Melalui aplikasi teori berkenaan, pengkaji membincangkan aspek akal budi yang terangkum dalam data pantun berkenaan. Menurut Zulkifley Hamid (2010), akal budi ialah satu entiti yang berkait rapat dengan aspek pemikiran atau daya berfikir. Junaini & Nor Hashimah (2015) pula berpandangan bahawa akal budi merujuk kepada pemikiran tinggi yang bijaksana yang saling paut-memaut pada makna yang mendukung kebijaksanaan, kehalusan jiwa dan keindahan.

JENIS METAFORA KONSEPSI DALAM *KURIK KUNDI MERAH SAGA* (2013)

Menurut Lakoff dan Johnson (1980) terdapat tiga jenis metafora konsepsi yang asas iaitu metafora orientasi, metafora ontologi dan juga metafora struktural. Metafora orientasi ialah peluasan makna/konsep orientasi seperti DALAM-LUAR, ATAS-BAWAH, HADAPAN-BELAKANG kepada domain bukan ruang. Metafora ontologi pula ialah pengkonseptualisasian benda yang abstrak (emosi, idea dan fenomena persekitaran) menjadikannya seperti benda (biasanya entiti, benda konkrit atau tempat). Metafora struktural pula mengambil item-item yang banyak berstruktur dalam pengalaman hidup sebagai sumber domain untuk memahami sesuatu konsep yang lain.

Bilangan dan peratusan jenis metafora konsepsi dalam buku pantun *Kurik Kundi Merah Saga* dapat dirumuskan seperti dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1 Bilangan dan Peratusan Jenis Metafora Konsepsi dalam Pantun

Jenis Metafora Konsepsi	Bilangan	Peratus (%)
Struktural	79	72
Ontologi	19	17
Orientasi	12	11
Jumlah	110	100

Jadual 1 menunjukkan bilangan dan peratusan jenis metafora konsepsi yang terdapat dalam pantun Melayu. Berdasarkan analisis oleh pengkaji, didapati ketiga-tiga jenis metafora konsepsi sememangnya terdapat dalam pantun Melayu iaitu metafora struktural, metafora ontologi dan juga metafora orientasi. Berdasarkan jadual 1 juga, daripada sebanyak 110 data pantun, metafora struktural adalah metafora yang mencatatkan bilangan tertinggi iaitu hadir dalam 79 data pantun Melayu bersamaan dengan 72%. Angka tersebut diikuti dengan 17% bersamaan dengan 19 data pantun iaitu jenis metafora ontologi. Seterusnya, metafora orientasi mencatatkan nilai terendah iaitu 12 item bersamaan 11%. Bilangan penggunaan yang tertinggi dicatatkan oleh metafora konsepsi struktural. Hal ini disebabkan data dalam pantun dicipta dan ditulis berasaskan pengalaman si pemilik pantun. Pengalaman hidup berkenaan yang dilingkari oleh fenomena alam menjadi pencetus kepada kewujudan pantun. Perkara ini selaras dengan takrifan dan ciri-ciri yang dimiliki oleh metafora konsepsi struktural. Pengalaman hidup masyarakat Melayu berkenaan kemudiannya diterjemahkan dengan penggunaan bahasa yang bersifat metafora yakni penggunaan metafora konsepsi struktural. Metafora struktural dikatakan mengambil item-item yang banyak berstruktur dalam pengalaman hidup sebagai sumber domain untuk memahami sesuatu konsep yang lain.

Metafora konsepsi ontologi pula dikatakan mempunyai bilangan kedua tertinggi iaitu sebanyak 17%. Metafora jenis ini merupakan pengkonseptualisasian benda yang abstrak seperti emosi, idea dan fenomena persekitaran yang menjadikannya seperti benda iaitu biasanya entiti, benda yang konkrit dan tempat. Hal ini kerana, ia turut dipengaruhi oleh tema pantun yang digunakan antaranya ialah tema kasih sayang, tema adat, tema kiasan, tema nasihat, tema perantauan, tema jenaka, tema peribahasa, tema budi, tema agama dan juga tema kepahlawanan. Tidak banyak unsur emosi yang digunakan kerana unsur tersirat yang terkandung dalam pantun lebih kepada penyampaian mesej secara positif dan tidak kurang juga nilai pengajaran yang cuba disampaikan. Seterusnya, metafora konsepsi orientasi dinyatakan mempunyai nilai paling rendah yakni sebanyak 11% berbanding kedua-dua jenis metafora berkenaan. Hal ini disebabkan, metafora jenis ini berkonsepkan orientasi dalam-luar, atas-bawah, buka-tutup dan hadapan-belakang. Tidak banyak metafora jenis ini ditemui dalam data pantun berkenaan kerana pengkaji mendapati pantun tidak selalu melibatkan peluasan makna kepada domain bukan ruang.

Dapatan menunjukkan bahawa bilangan metafora konsepsi struktural lebih banyak terdapat di dalam buku pantun *Kurik Kundi Merah Saga* (2013), berbanding dengan metafora orientasi dan juga metafora ontologi. Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa analisis berjaya mengesan kewujudan metafora struktural. Hal ini kerana, bahasa yang terdapat dalam pantun merupakan hasil pemerhatian dan pengalaman si pencipta pantun yang kemudiannya diterjemahkan dalam wadah pantun. Aspek-aspek sebegini amat penting bagi menggambarkan pemikiran masyarakat Melayu terhadap senario sekeliling. Hal ini sebenarnya berkait rapat dengan metafora struktural kerana metafora struktural mengambil item-item yang banyak berstruktur dalam pengalaman hidup sebagai sumber domain untuk memahami konsep yang lain.

METAFORA KONSEPSI DALAM BUKU PANTUN *KURIK KUNDI MERAH SAGA* (2013)

Dalam bahagian ini, pengkaji membincangkan hasil analisis yang diperoleh melalui pengkategorian jenis metafora konsepsi yang diperoleh. Salah satunya ialah **metafora konsepsi ontologi**. Berdasarkan data, metafora ontologi mencatatkan bilangan kedua tertinggi iaitu sebanyak 19 data dengan peratusan 17%. Kebanyakan data tersebut melibatkan emosi. Antara emosi yang terhasil ialah emosi kasih, rindu, sedih, malu dan sebagainya. Emosi merupakan entiti yang bersifat abstrak. Emosi pada umumnya

melibatkan perasaan yang dialami oleh seseorang yang terbentuk oleh sesuatu perkara. Berasal daripada bahasa Latin *emover* yang bermakna bergerak, kegembiraan dan kegusaran. Leksikal emosi ini juga digunakan bagi menggambarkan pengalaman subjektif seseorang seperti cinta, marah, suka, resah, tertekan, malu, benci, duka, gembira, tenang dan pelbagai lagi. Metafora konsepsi digunakan oleh manusia untuk memahami entiti abstrak melalui sesuatu yang konkrit. Entiti konkrit ini biasanya dijadikan domain sumber untuk memahami entiti abstrak yang dikenali sebagai domain sasaran.

Jadual 2 Contoh Data Metafora Konsepsi Emosi dalam KKMS

Emosi	Contoh Data	Metafora Konsepsi
Rindu	Rindu di hati datang melanda, air mata jatuh ke pipi. Tidak tahan rasanya jiwa, siang malam menanggung rindu .	RINDU ADALAH SEBUAH BEKAS
Kasih	Jika terkenang masa dahulu, jantung berperang dengan hempedu . Buang emak buang saudara, kerana kasih saya turutkan. Kasih dan sayang boleh ditentu, jodoh pertemuan di tangan Allah.	KASIH ADALAH IKATAN
Gembira	Dia masam sebelum ditegur, bila ditegur dia tersenyum .	GEMBIRA ADALAH SEBUAH BEKAS
Geram	Janganlah tuan mencabar hamba, takut penumbuk hinggap ke dagu.	GERAM ADALAH SEBUAH AKTIVITI

Berdasarkan Jadual 2, emosi RINDU dan GEMBIRA boleh dikonsepsikan sebagai sebuah bekas yang mempunyai ruang dalam tiga dimensi berdasarkan penggunaan leksikal seperti *di hati*, *rasanya jiwa* dan *tersenyum* yang merujuk kepada dimensi ruang yang melibatkan bekas. Pemetaan domain bekas ke domain-domain emosi ini menghasilkan metafora RINDU ADALAH SEBUAH BEKAS dan GEMBIRA ADALAH SEBUAH BEKAS. Emosi KASIH pula melibatkan domain sumber iaitu domain ikatan yang dipetakan kepada domain sasaran iaitu emosi KASIH. Leksikal seperti *jantung berperang dengan hempedu* mengkonsepsikan metafora KASIH ADALAH IKATAN. Seterusnya, emosi GERAM pula dikonsepsikan sebagai AKTIVITI berdasarkan penggunaan leksikal *takut penumbuk hinggap ke dagu* dan menghasilkan metafora konsepsi GERAM ADALAH SEBUAH AKTIVITI. Unsur emosi yang terkandung dalam data pantun KKMS memperlihatkan peranan emosi dalam kehidupan manusia yang bukan sahaja melibatkan emosi positif, tetapi juga emosi negatif yang dizahirkan dalam pelbagai bentuk.

Untuk dapatan seterusnya pula, pengkaji membincangkan perihal **metafora konsepsi struktural** iaitu jenis metafora konsepsi yang tertinggi dalam data kajian iaitu sebanyak 79 data dengan peratusan 72%. Beberapa contoh data akan dibincangkan bagi memperlihatkan sudut akal budi yang terkandung di dalamnya:

i. Lautan lagi berubah inikan pula hati orang

Data i. tersebut termasuk dalam kategori metafora struktural. Dalam hal ini, frasa *lautan lagi berubah inikan pula hati orang* dianggap sebagai item yang banyak berstruktur dalam pengalaman hidup sebagai sumber domain untuk memahami sesuatu konsep yang lain. *Lautan* merupakan entiti konkrit, manakala *hati orang* merupakan entiti abstrak. Data tersebut membawa maksud *laut boleh berubah-ubah inikan lagi hati orang* pasti sahaja mudah beralih arah. Hati yang berubah-ubah dianalogikan dengan keadaan laut yang juga mengalami pasang surut. Akal budi yang jelas terpancar dalam pantun tersebut ialah gambaran dunia percintaan atau asrama teruna atau siapa sahaja yang berkasih sayang. Pantun ini turut mengingatkan tentang kemungkinan perubahan sikap manusia daripada yang diduga kepada yang tidak disangka. Rangkap ini juga berguna bagi mengingatkan pasangan suami isteri supaya jangan mengalami keadaan dulu sayang kini benci atau melalui musim seperti *embun di hujung rumput* iaitu apabila sinaran matahari meningkat embun pun kering yang membawa makna simbolisme iaitu sampai satu peringkat rasa sayang pun menghilang. Hal ini turut membawa makna yang hampir sama dengan peribahasa *seperti habis madu sepah dibuang*.

ii. Sirih Pinang sudah ku terima tanda jadi kita berdua.

Analisis akal budi berdasarkan data di atas menerangkan bahawa *sirih pinang* dijadikan simbolik ketika upacara meminang atau merisik calon isteri. Apabila pihak perempuan menerima *sirih pinang* tersebut maka dianggap meminangan itu telah diterima oleh pihak perempuan. Dalam hal ini, *sirih pinang* dijadikan simbolik kerana dalam masyarakat Melayu, penggunaan buah pinang dalam pantun Melayu dikatakan sebagai perlambangan kepada keturunan yang baik, budi pekerti yang jujur serta memiliki darjat yang tinggi. Perlambangan ini adalah berdasarkan kepada sifat pokok pinang tersebut yang tinggi, lurus ke atas serta mempunyai buah yang lebat dalam setandan.

Menelusuri sejarah perkembangan Melayu dahulu, *sirih* dan *pinang* juga merupakan perkakasan yang penting dan menjadi satu kemestian dalam perkembangan budaya yang telah diwarisi sejak turun-temurun. Penggunaannya merangkumi aspek yang luas iaitu aspek kebudayaan Melayu seperti memakan sirih, perkahwinan, adat resam dan juga adat istiadat sehinggalah kepada penggunaan dalam perubatan tradisional. Kegunaan *sirih* dan *pinang* semakin jelas terlihat khususnya apabila sirih junjung ini turut dihias cantik sebagai sebahagian barangan hantaran pengantin dan penyeri kepada pengantin perempuan. Selain itu, *sirih* dan *pinang* turut berperanan sebagai simbol dan pengantara apabila digunakan bagi mengundang seseorang ke majlis, tepak sirih akan dihulur dan sekiranya *sirih* berkenaan dimakan ia menandakan undangan tersebut telah diterima. Hal ini jelas menggambarkan bahawa masyarakat Melayu sangat menitikberatkan adat resam Melayu yang diwarisi sejak turun-temurun. Akal budi berkenaan tergambar dalam data pantun di atas.

iii. Cantik bulan di kaki awan memancar-mancar mengeluarkan cahaya

Analisis akal budi berdasarkan data pantun di atas menerangkan bahawa pemilik pantun berkenaan memberi perumpamaan *cantik bulan* itu kepada seorang wanita cantik yang keluar dari rumahnya hendak berjalan. Dalam masyarakat Melayu, kecantikan wajah seseorang diibaratkan seperti *bulan*. Hal ini kerana, *bulan* merupakan kecantikan alam yang hanya akan kelihatan pada waktu malam hari. Bulan purnama misalnya, dikatakan cantik kerana bentuk bulan pada waktu tersebut mengeluarkan cahaya penuh yang terang di angkasa dan mudah dilihat pada waktu malam. Tumbuhan hijau juga memerlukan cahaya untuk menghasilkan makanan dan pancaran cahaya juga berfungsi untuk membekalkan sumber nutrien kepada tumbuhan-tumbuhan. Tumbuhan hijau ini seterusnya pula akan menjadi makanan kepada haiwan lain. Keadaan ini jelas menunjukkan peranan cahaya begitu penting dalam kehidupan semua makhluk di muka bumi ini. Dalam masyarakat Melayu, cahaya yang digambarkan merangkumi cahaya dalaman yang terdapat dalam diri seseorang. Dalam kata lain, pencerahan kepada nilai-nilai kemanusiaan.

Bagi **metafora konsepsi orientasi** pula, iaitu jenis metafora konsepsi yang mencatatkan bilangan terendah iaitu 12 item dengan 11%. Metafora orientasi ialah peluasan makna atau konsep orientasi seperti DALAM-LUAR, ATAS-BAWAH, HADAPAN-BELAKANG kepada domain bukan ruang. Beberapa contoh dipaparkan bagi memperlihatkan gambaran akal budi melalui jenis metafora konsepsi ini:

i. **Tinggi sungguh gunung melintang, tinggi lagi harapan hati.**

Melintang tinggi, tinggi lagi harapan hati mewakili konsep metafora konsepsi orientasi. Dalam hal ini, *hati* merupakan domain ruang yang mengalami peluasan makna kepada domain bukan ruang iaitu *melintang tinggi*. *Tinggi* merupakan kata sifat yang menunjukkan ukuran dan tidak melibatkan apa-apa ruang. Leksikal *gunung* menggambarkan sesuatu yang tertinggi. Pantun ini membawa maksud seseorang yang menyimpan harapan dan permintaan yang besar terhadap sesuatu perkara serta mengumpamakan harapan itu lagi tinggi dari sebuah gunung. Pun begitu, perkataan ini hanyalah dilihat sebagai gambaran yang abstrak sahaja, bukannya secara konkrit.

ii. **Lagi berhadapan mulutnya manis balik belakang lain bicara**

Analisis akal budi berdasarkan data di atas ialah pemilik pantun ini menasihatkan semasa kita ingin memperkatakan sesuatu, segala pertuturan perlu dijaga agar tidak menyinggung perasaan orang lain. Malah, kita sewajarnya lebih berhati-hati sewaktu menceritakan sesuatu yang bersifat rahsia disebabkan perkara sebegini, begitu cepat menarik perhatian orang terutama mereka yang bermusuhan atau tidak suka kepada kita. Dalam masyarakat Melayu, amatlah ditegah untuk mengata orang lain kerana sikap ini boleh membawa kepada pertelagahan sesama sendiri. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat Melayu disarankan menjadikan nilai berbudi bahasa sebagai amalan dalam kehidupan seharian.

JENIS SKEMA IMEJ DALAM BUKU PANTUN *KURIK KUNDI MERAH SAGA* (2013)

Bahagian ini membincangkan jenis skema imej yang terdapat dalam buku pantun *Kurik Kundi Merah Saga* (2013). Skema imej adalah satu bentuk struktur konsepsi yang penting dalam semantik kognitif. Menurut Gibbs & Steen (1997) dan Lakoff (1987) serta Lakoff & Johnson (1980), konsep skema imej ialah satu skemata pengetahuan yang memperkemas dan menyusun atur pengalaman hidup manusia yang berlaku secara berulang kali dalam satu pola ayat satuan yang koheren dan bermakna sifatnya. Skema imej juga adalah pengalaman *gestalts* yang muncul melalui aktiviti sensori motor semasa kita memanipulasikan objek dan mengorientasikan diri kita dalam ruang dan waktu serta kita mengarahkan fokus persepsi kita untuk pelbagai tujuan. Tambahan lagi, skema imej adalah penyusunan pengalaman dalam bentuk imej dan disimpan dalam pemikiran manusia serta dapat dicapai untuk memahami atau menjelaskan konsep yang baru. Skema imej inilah yang dianggap sebagai struktur konsepsi yang menjadi mekanisme dalam memotivasikan peluasan semantik kata yang berpolisemi.

i. **SKEMA IMEJ BEKAS**

Skema imej bekas menginterpretasikan pengalaman dalam bentuk sebuah bekas. Pemahaman manusia tentang konsep bekas ini membolehkan konsep abstrak itu difahami. Bekas pada kebiasaannya mempunyai sisi tertutup yang boleh digunakan untuk menyimpan sesuatu.



Rajah 1 *Rindu di hati datang melanda, air mata jatuh ke pipi.*




Rajah 2 *Siang dan malam saya tak lupa, kasih terkandung dalam hati*

Berdasarkan data dalam rajah 1 dan 2 di atas, frasa *rindu di hati* dan *kasih terkandung dalam hati* merujuk kepada ayat yang dikonsepsikan sebagai skema imej bekas. Dalam hal ini, pemahaman manusia tentang bekas adalah untuk menyimpan sesuatu. Jika dilihat dari sudut semantik kognitif, makna bagi hati adalah merujuk kepada sebahagian daripada organ dalaman yang tertutup. Secara zahirnya, memang tidak kelihatan kerana bentuknya yang abstrak. Hal ini kerana, apa sahaja yang berkait rapat dengan perasaan ataupun emosi sukar untuk dibaca kerana berada dalam hati dan diri. Tambahan lagi, jika dianalisis frasa *rindu di hati datang melanda*, *hati* dianggap sebagai bekas dan rasa *rindu* dianggap sebagai suatu entiti yang terkumpul (bergumpal) dengan banyak (seribu satu) ke dalam bekas (hati). *Kasih* pula dianggap sebagai rasa yang disimpan dalam suatu bekas iaitu *hati*.

ii. SKEMA IMEJ TATATINGKAT

Skema imej tatatingkat melibatkan konsep perhubungan turun dan naik. Contohnya, peningkatan paras air ataupun perbuatan menaiki tangga.

Rajah 3 *Seri sirih naik ke kening, seri pinang naik ke muka.*



Berdasarkan contoh data dalam rajah 3 *Seri siri naik ke kening, seri pinang naik ke muka* menepati skema imej tatatingkat. Hal ini kerana, perkataan *naik* merujuk kepada sesuatu perkara yang berbentuk peningkatan. Kata *seri* itu mengalami peningkatan apabila leksikal ini dijadikan teras untuk menjadikan wajah seseorang itu kelihatan cantik dan menarik perhatian orang di sekelilingnya. Tambahan lagi, penggunaan *siri* dan *pinang* menyebabkan berlakunya perubahan dari bawah ke atas yakni wajah seseorang semakin cantik dan kelihatan berseri-seri. Oleh itu, konsep perhubungan turun naik dalam data di atas menyebabkan wajah seseorang itu mengalami perubahan yakni semakin berseri-seri.

iii. SKEMA IMEJ DAYA

Skema imej daya pula melibatkan interaksi abstrak atau konkrit. Antara elemen-elemen yang terlibat adalah sumber dan sasaran daya, arah dan kuasa daya, serta pergerakan sumber dan sasaran.

Rajah 4 *Kalau kutakut dilambung ombak, tak ku berumah di tepi pantai*



Leksikal *dilambung* merujuk kepada satu pergerakan. Dalam data di atas, leksikal *dilambung* dikonsepsikan kepada interaksi yang konkrit iaitu *tak ku berumah di tepi pantai*. Daya sumber diwakili oleh ungkapan *kalau ku takut dilambung ombak*, manakala elemen sasaran merujuk kepada *tak ku berumah di tepi pantai*. Leksikal *dilambung* merupakan suatu daya pergerakan naik atau dibuang ke atas tinggi-tinggi. Data ini membawa maksud seseorang yang takut berhadapan dengan penderitaan, tidak akan melakukan sesuatu yang boleh mendatangkan kesusahan kepada diri sendiri melainkan perkara tersebut telah difikirkan terlebih dahulu.

iv. SKEMA IMEJ PUSAT DAN PINGGIRAN

Skema imej pusat-pinggiran melibatkan maklumat teras dan pinggiran. Ia juga bersifat abstrak atau konkrit. Misalnya, dalam ruang lingkup persepsi seseorang individu atau persekitaran sosial. Skema imej pusat pinggiran dapat dikonsepsikan melalui contoh di bawah:

Rajah 5 Cantik bulan di kaki awan, *memancar-mancar mengeluarkan cahaya*



Dalam data di atas, frasa *memancar-mancar mengeluarkan cahaya* merupakan maklumat pinggiran yang diberi perumpamaan kepada maklumat teras iaitu frasa *cantik bulan di kaki awan*. Data ini membawa maksud perempuan yang jarang-jarang keluar rumah dan kelihatan sangat cantik.

v. SKEMA IMEJ SUMBER-LALUAN-MATLAMAT

Skema imej sumber-laluan-matlamat ini melibatkan unsur aliran dan lazimnya dikaitkan dengan masa kerana mempunyai matlamat. Misalnya dalam data berikut:

Hidup di dunia buat amalan, untuk bekalan akhirat nanti.

Rajah 7 Hidup di dunia buat amalan, untuk bekalan akhirat nanti



Berdasarkan data di atas, sememangnya hidup di dunia adalah sebagai persinggahan dalam meniti kehidupan. Dalam menjalani kehidupan di dunia ini, manusia hendaklah berusaha dan bekerja keras untuk kesenangan dan kekayaan tanpa melupakan akhirat. Dunia diibaratkan sebagai jambatan manusia untuk ke akhirat. Oleh sebab dunia yang bersifat sementara, maka semasa hidup di dunia seseorang itu hendaklah melakukan ibadat dan amalan kebaikan sebagai bekalan di akhirat kelak.

SUMBANGAN KAJIAN

Kajian tentang pantun Melayu memperlihatkan kepada kita pelbagai aspek telah diterokai, contohnya teori dan hipotesis tentang asal usul, aspek estetika, etika serta analisis tentang pemikiran, fungsi dan penyebarannya. Aspek yang menarik di sini bukan sahaja tentang bentuk dan keindahan pantun, tetapi juga ciri-ciri dalamannya yang tepat, mengandungi pengertian, pemikiran dan

falsafah yang secara keseluruhannya terkandung dalam sebuah ungkapan, serangkap pantun baik yang sederhana, pendek dan spontan, mahupun yang lebih panjang dan lebih kompleks.

Kajian ini turut membuktikan bahawa pembayang dan maksud adalah saling berkait, dan memberikan gambaran tentang sifat kejituan bahasa Melayu dalam menyampaikan maksud dari seorang penutur kepada pendengar. Unsur flora dan fauna yang digunakan mempunyai nilai yang tersendiri, dan nilai tersebut disasarkan kepada makna yang ingin dicari dan difahami. Nilai-nilai murni yang terkandung dalam khazanah pantun Melayu seharusnya diketengahkan kepada khalayak masyarakat bagi memupuk nilai-nilai dalam kalangan rakyat Malaysia. Kajian terhadap pantun Melayu sebagai khazanah warisan Melayu akan membolehkan pandangan hidup, nilai, sikap, cara berfikir serta rupa bentuk akal budi atau perenggu minda orang Melayu dapat difahami dan dihayati dengan lebih mendalam.

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan ini, terdapat tiga jenis metafora konsepsi yang dikesan hadir dalam pantun *Kurik Kundi Merah Saga*, iaitu metafora ontologi, orientasi dan struktural. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa penciptaan pantun dengan pemikiran Melayu adalah saling terkait. Dalam pantun yang dikaji juga, terdapat pelbagai metafora yang jelas menggambarkan perenggu minda orang Melayu tentang kasih sayang, adat, kiasan, nasihat, peribahasa, budi dan agama. Bukan itu sahaja, enam jenis skema imej juga telah berjaya dikonsepsikan bagi menggambarkan metafora yang terdapat dalam pantun *Kurik Kundi Merah Saga*. Ketersalingkaitan antara skema imej dan metafora diyakini mampu menjana perenggu minda Melayu yang terkandung dalam pantun *Kurik Kundi Merah Saga*. Analisis yang menggunakan pendekatan Semantik Kognitif ini dapat membantu membongkar idea yang hadir dalam bentuk abstrak, dan juga dapat menyumbang kepada kajian yang berkaitan dengan korpus ilmu psikolinguistik khususnya.

Kajian ini telah mencapai objektifnya untuk menghuraikan akal budi Melayu seperti yang tercermin dalam pantun Melayu menggunakan Pendekatan Semantik Kognitif. Proses-proses kognitif bagi membolehkan penjanaan dan peluasan makna pantun berlaku secara sistematik. Mekanisma kognitif yang meliputi skema imej dan metafora konsepsi berupaya memperlihatkan bahawa metafora adalah cara berfikir yang ditakrifkan sebagai suatu pemetaan bersistem dari domain sumber ke domain sasaran. Konsep-konsep yang terdapat dalam Teori Semantik Kognitif memungkinkan kajian terhadap metafora Melayu dapat dianalisis menggunakan data yang empirikal secara lebih saintifik.

Berdasarkan dapatan kajian yang dilakukan dapat disimpulkan bahawa aspek makna dan pemikiran merupakan elemen yang penting untuk membolehkan kita memahami perenggu minda orang Melayu. Bahasa tidak terbatas hanya untuk berkomunikasi atau menyampaikan idea dengan pihak lain bahkan penggunaan bahasa yang baik dapat menjalin dan menjamin keharmonian hidup bermasyarakat. Dapatan kajian ini menunjukkan pemikiran Melayu amat terpengaruh oleh alam sekeliling iaitu alam fauna dan alam flora yang melatari kehidupan orang Melayu. Konsep berguru kepada alam jelas tercermin dalam penciptaan pantun Melayu. Kajian ini dapat menyumbangkan atau memperkayakan lagi kajian tentang makna dan pemikiran agar dapat dijadikan sebagai bahan rujukan kepada pengkaji akan datang.

RUJUKAN

- Aminuddin Mansor. 2012. *Akal Budi Melayu dalam Pantun dan Sajak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amir Hassan. 1993. Pantun Melayu: Suatu Pemerian Morfologi dan Sintaksis. Latihan Ilmiah. Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Arina Johari & Indrawati Zahid. 2016. Aplikasi strategi kesantunan dalam rancangan bual bicara motivasi diri radio. *Jurnal Bahasa, Jilid 16* Bil. 1: 120-152.
- Charteris Black, J. 2003. A Contrastive Cognitive Perspective On Malay and English figurative Language. Dlm K. M. Jaszczolt & K.Tuner (eds). *Meaning Through Language Contrast: Pragmatics and Beyond, New Series 99*, hlm. 141-158. Amsterdam: John Benjamin Publishing Company.
- Gibb, R. W. & Steen, G. J. (eds). 1997. *Metaphor in Cognitive Linguistics*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Harun Mat Piah. 2007. *Pantun sebagai Artifak Budaya*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Hasmidar Hassan & Jafizah Jaafar. 2016. Penginterpretasian peribahasa dan hubungannya dengan kemahiran berfikir: analisis berdasarkan Teori Relevan. *Jurnal Bahasa, Jilid 16* Bil. 1: 94-119.
- Hawa Mahfuzah & Zulkifley Hamid. 2015. Akal Budi dalam Mantera: Analisis Semantik Kognitif. *Jurnal Melayu 14* (2): 260-273.
- Julaina Nopiah & Nor Hashimah Jalaluddin. 2015. Dualisme dan Akal Budi Melayu: Pendekatan Semantik Inkuisitif. Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu IX (SALPBM IX). Anjuran Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia Serdang, 3-4 November 2015.
- Kartini Abd. Wahab. 2016. Profil Tumbuh-tumbuhan dalam Pantun Melayu. *Geografia – Malaysian Journal of Society and Space, 12*, 29-43.
- Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin. 2015. Unsur Asam dan Akal Budi Melayu. Seminar Meja Bulat: Simpulan Bahasa dan Kognitif Penutur. Anjuran Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, 28 September 2015.
- Kurik Kundi Merah Saga - Kumpulan Pantun Melayu, Edisi Ke-2*. 2013. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Lakoff, G. 1987. *Women, Fire and Dangerous Things: What Categories Reveal About the Mind*. Chicago: Chicago university Press.
- Lakoff, G. & Johnson, M. 1980. *Metaphors We Live By*. Chicago: University of Chicago Press.
- Lim Kim Hui. 2003. *Budi as the Malay Mind: A Philosophical Study of Malay Ways of Reasoning and Emotion in Peribahasa*. Tesis Doktor Falsafah (bahan tidak terbit), University of Hamburg.
- Mangantar Simanjuntak. 1987. *Pengantar Psikolinguistik Modern*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. 1996. *Pantun Melayu: Satu Garapan Struktur Ayat*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2015. *Peribahasa Parasit dan Akal Budi Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif*. Seminar Antarabangsa Bahasa & Sastera. Anjuran Pusat Pengajian Bahasa & Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi. 14 Mei.
- Sulaiman Masri. 2005. *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan Esei, Proposal dan Tesis*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Wilkinson, R. J. & R. O Winstedt. 1957. *Pantun Melayu*. Singapura: Malayan Publishing House.
- Za'ba. 1965. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkifley Hamid. 2010. Bahasa Melayu cerminan pemikiran dan budaya Melayu. Dlm. Ilham Daeng Mekkelo & Abd. Rahman Hamid (eds.). *Mengurai Kecerumpan Dunia Melayu dalam Konteks Hubungan Bangsa Serumpun: Indonesia Malaysia*, hlm: 13-26. Yogyakarta: Penerbit Ombak.
- Zulkifley Hamid, Naidatul Zamrizam Abu & Mohd Asyraf Zulkifley. 2015. Strategi Komunikasi dalam kalangan Murid Pelbagai Etnik. *Jurnal Komunikasi - Malaysian Journal of Communication Jilid 31(1)* 2015: 171-186.

Zulkifley Hamid
Zulkifley@um.edu.my

Nirwana Sudirman
nirwanasudirman@gmail.com